



Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

**AKHBAR
RASMI
KERAJAAN
NEGERI
BRUNEI**

TAHUN 25 BILANGAN 51

RABU 17HB DISEMBER, 1980.

1401 رابو 9 صفر

PERCHUMA



KEBAWAH DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan, ketika melafazkan titah dari Singgahsana dan seterusnya merasmikan Perasmian Ke-18, Majlis Mashuarat Negeri.

PERUNTOKAN BELANJAWAN MENINGKAT TAHUN 1981

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-jumlah \$1,513,550,458.00 akan di-peruntukkan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia bagi perkhidmatan kepada 45 buah jabatan Kerajaan, termasuk satu peruntokan bagi Kumpulan Wang Kemajuan yang berjumlah \$215 juta akan di-bentangkan dalam Sidang Belanjawan Musim Perasmian Ke-18, Majlis Mashuarat Negeri, yang telah di-mulakan semalam.

Jumlah tersebut dari Kumpulan Wang Yang Di-satukan untuk perkhidmatan sa-panjang tahun 1981 itu, Kerajaan Baginda telah memperuntukkan hampir \$500 juta dari-nya bagi mengendalikan urusan2 pertahanan dan keselamatan negara yang antara-nya \$416,258,816.00 bagi pengendalian Pasukan Asker Melayu Diraja Brunei dan \$65,995,571.00 untuk Pasukan Polis Diraja Brunei.

Dari jumlah peruntokan itu juga yang bertambah lebih \$311 juta dari peruntokan tahun 1980, Peruntokan bagi perkhidmatan Pelajaran tahun 1981 telah meningkat kepada \$161,132,217.00; sementara Perkhidmatan2 Rampaian akan menelan belanja sa-jumlah \$123,188,258.00.

Perkhidmatan Kerja Raya akan mendapat peruntokan sa-jumlah \$110,500,203.00; Perubatan \$66,580,786.00; Letrik \$49,483,683.00; Hal Ehwal Ugama \$39,594,849.00; Penjara \$38,475,591.00;

Radio Talivishen mendapat \$25,412,008.00.

Bagi Penerbangan Awam peruntokan di-berikan sa-jumlah \$21,441,680.00; Bandaran \$19,531,251.00; Talikom \$19,635,331.00; Perjawatan \$18,419,505.00; Pejabat-Pejabat Daerah mendapat peruntokan \$16,575,311.00.

Perkhidmatan Pertanian tahun depan akan mendapat peruntokan sa-jumlah \$13,842,262.00; Pasukan Bomba di-peruntukkan \$8,418,065.00; Pejabat Setia Usaha Kerajaan mendapat peruntokan \$8,202,489.00; Perchetakan Kerajaan \$7,881,950.00.

Sa-jumlah \$5,759,652.00 juga akan di-peruntukkan bagi Jabatan Laut, Jabatan Ukur \$4,980,198.00; Kastam \$4,786,098.00; Muzium \$4,527,942.00; Pelabohan \$4,263,135.00.

Dewan Bahasa dan Pustaka mendapat peruntokan sa-jumlah \$4,209,310.00; Kebajikan Belia dan

Lihat muka 18

NEGARA BERTAMBAH MAKMOR

BANDAR SERI BEGAWAN—Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan bertitah, dengan limpah kornia Allah s.w.t. negeri Brunei sedang menikmati kemakmoran yang sa-makin bertambah dari tahun2 yang lalu.

Di-Istiadat Perasmian Majlis Mashuarat Negeri kali yang ke-18 di-Dewan Majlis pagi Selasa yang baru lalu Baginda seterusnya bertitah bahawa perbelanjaan bagi tahun hadapan juga akan bertambah.

Pertambahan itu, titah Baginda, adalah di-perlukan bagi membiayai perbelanjaan2 berjenis-jenis rancangan kemajuan dan juga perbelanjaan bagi mengadakan berbagai perkhidmatan untuk faedah raayat serta penduduk negeri ini.

Ini termasuk-lah perbelanjaan untuk menjamin keselamatan dan keamanan serta ketenteraman dan kemajuan bagi Negeri Brunei, supaya raayat dan penduduk negeri ini akan dapat terus hidup dalam keadaan aman sejahtera lagi bahagia.

Kapada Ahli2 Yang Berhormat itu, Baginda berharap supaya mereka akan dapat mempertimbangkan apa jua perkara yang di-bentangkan di-majlis itu dengan ikhlas lagi jujur pada menghulurkan pendapat yang membena samata2 kerana Allah jua.

"Dan, dengan yang demikian, mudah-mudahan persidangan majlis ini, dengan bimbingan yang bijaksana dari Yang Amat Mulia Pengiran Speaker, akan berjalan dengan sempurna dan sentiasa membuktikan

perasaan mesra lagi saling hormat-menghormati di-antara satu sama lain," titah Baginda.

Istiadat perasmian Majlis Mashuarat Negeri pagi itu telah di-dahului dengan satu Istiadat Menerima Tabek Hormat Diraja di-badapan Bangunan Dewan Majlis yang diambil bahagian oleh Pasukan Polis Diraja Brunei termasuk Pasukan Panji2 Diraja.

Turut berangkat di-ke-dua2 istiadat tersebut termasuk-lah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan, Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Digadong Sahibul Mal, Yang Teramat Berhormat Pensehat Umom Baginda Sultan, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan, Yang Amat Mulia Pengiran2 Cheteria, Ahli2 Yang Berhormat, pegawai2 kanan kerajaan serta jemputan2 khas.



Kongres Agong MBB

BANDAR SERI BEGAWAN.—Majlis Belia-Belia Negeri Brunei akan mengadakan Kongres Agong Perwakilan, yang akan di-langsungkan di-Pusat Belia sini pada 1hb Januari, 1981 depan.

Pelita Brunei di-beritahu bahawa dalam kongres tersebut satu pemilihan Jawatan-kuasa Tetap Tertinggi bagi tahun 1981/1982 akan di-adakan. Borang2 penchalonan boleh di-perolehi daripada: Awang Salleh bin Abdul Latif, Jabatan Imigresen dan Awg Haji Yahya bin Mohd Yusof, Pejabat Penchen2 Negara, Bandar Seri Begawan.

Ada-lah di-harapkan kapada Persatuan2 Belia dan Kebajikan di-seluruh negeri yang bergabung dengan MBB supaya mengemukakan nama2 chalon mereka kapada Pengerusi Jawatankuasa Pemilihan Ahli2 JKKTP MBB, Awang Haji Yahya bin Mohd Yusof, tidak lewat dari 20hb Disember, 1980.

Konsul Agong Amerika lawat Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN.—Konsul Agong Amerika ka-Brunei, Awang Lyall Brienon telah tiba Jumaat lalu untuk satu lawatan rasmi tiga hari di-sini.

Di-hari berikut-nya beliau mengadap Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan di-Istana Darul Hana dan telah di-iringkan oleh TYT Pesuruhjaya Tinggi British, Awang Arthur Watson.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan juga berangkat ka-majlis tersebut.

Hadhir sama ia-lah; Pensehat Umom Kebawah Duli Yang Maha Mulia, YTB Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Haji Isa, Menteri Besar YAM Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin, Setia Usaha Kerajaan YB Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz, Peguam Negara YAM Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin dan Pegawai Kewangan Negara, YB Pehin Orang Kaya Khazanah Negara Laila Diraja Dato Laila Utama Awang John Lee.

Sementara itu, Konsul Agong Belgium ka-Singapura, Awg Posthuma telah tiba di-Brunei semalam dalam rangka lawatan beliau ka-negeri ini.

KEBAWAH D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei, ketika berangkat memereksa Perbarisan Kehormatan di-depan bangunan Dewan Majlis, untuk melaksanakan Istiadat Rasmi Musim Perasmian Ke-18, Majlis Mashuarat Negeri Brunei, semalam.

Hadhir sama di-istiadat tersebut ia-lah: DYTM Paduka Seri Begawan Sultan, TYT Pesuruhjaya Tinggi British di-Brunei, YTM Paduka Seri Duli Pengiran Bendahara, YTM Paduka Seri Duli Pengiran Digadong, YTM Seri Paduka Pengiran Pemanahan, YTB Pensehat Umom Kebawah DYMM, YAB Menteri Besar, YB Setia Usaha Kerajaan, Pengiran2 Cheteria, Pehin2, serta orang2 kenamaan dan Ketua2 Jabatan.

Manis-nya Iman

"HENDAK-LAH engkau bertakwa kapada Allah di-mana saja engkau berada. Ikuti-lah kejayaan dengan keinsafan serta mengerjakan kebaikan, qesachaya kebaikan itu akan menghapuskan kejahatan. Dan berperangai baik-lah kapada sa-sama manusia." — HADITH Nabi riwayat At-Tarmizi daripada Abu Zar dan Mu'az.



Pelita Brunei
DI TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR
RASMI
KERAJAAN
NEGERI
BRUNEI

17HB DISEMBER, 1980.

*Dengan nama Allah' yang pemurah
dan maha penyayang*

Peniaga dan pengusaha kita:

PERLINDONGAN YANG DI-TUNTUT

JIKA peniaga2 dan pengusaha2 yang terdiri daripada orang2 kita di-katakan meminta 'perlindungan' Kerajaan untuk memajukan mereka, sa-benar-nya sa-bahagian maksud perlindungan itu sudah pun mereka peroleh.

Dalam jangka tiga tahun semenjak Sekim Pinjaman di-lancarkan, sa-jumlah lebih \$9 juta telah di-pinjamkan oleh Kerajaan untuk membantu peniaga2 anak negeri di-berbagai2 bidang. Bantuan pinjaman itu tentu-lah telah ketara menambah bilangan orang2 kita yang menyertai kegiatan ekonomi negeri ini — sa-lain orang2 kita yang sedia berupaya sendiri. Kalau pun ada yang maseh di-persoalkan mengenai penyertaan mereka itu ia-lah dari segi ia-nya maseh dalam kedudukan atau keadaan yang tidak sa-bandung dengan penyertaan peniaga2 dan pengusaha2 bangsa lain termasuk pemodal2 dari luar negeri.

Tetapi, kedudukan itu sa-patut-nya tidak di-tonjolkan sa-mata2 sa-bagai akibat kekurangan modal dan kesempitan peluang yang di-berikan. Persoalan-nya yang mustahak di-ketengahkan bukan-lah sa-mata2 sa-kitar hal modal dan peluang. Sa-balek-nya, pada peringkat di-mana orang2 kita sa-makin menyedari kepentingan melibatkan diri dalam kegiatan ekonomi itu, mereka hendak-nya terus meneruskan meyakinkan diri masing2 untuk menchapai penyertaan yang meluas itu dengan lebih mengambil inisiatif sendiri, meningkatkan mutu pengurusan di-samping kemahiran yang sa-kira2 menepati keperluan untuk meningkat maju ka-taraf peniaga2 dan pengusaha2 yang sudah berjaya. Sebab, bukan tidak di-ketahui betapa mereka yang sudah berjaya itu menchapai kejayaan masing2 dengan jerih payah melalui pengalaman gigih dan kebijaksanaan menguasai keadaan.

Rasa-nya ini-lah persoalan yang patut di-tonjolkan dari sa-kadar tidak putus2 merayu atau mendesak sa-barang perlindungan Kerajaan. Sebab ada-lah munasabah di-fahami bahawa usaha dan keupayaan Kerajaan bagi 'melindungi' mereka tidak-lah semestinya sampai berupa champor-tangan yang menyeluruh. Champor-tangan Kerajaan bagi menyeimbangkan kedudukan mereka tentu-lah sa-takat yang berpatutan dan sa-laras dengan kedudukan pertumbuhan serta perkembangan ekonomi negeri ini pada keseluruhannya.

Kita tidak menolak sa-barang kemungkinan usaha2 Kerajaan akan sa-makin di-giat dan di-luaskan pada menolong menchapai taraf penyertaan yang meluas itu. Tapi sa-rentak dengan itu peniaga2 dan pengusaha2 kita kena-lah meningkatkan inisiatif mereka sama ada sa-chara bersendirian atau pun sa-chara berkumpulan. Sebab dengan demikian baru-lah kita dapat sama2 menjangkakan penglibatan orang2 kita bukan saja sa-takat meluas tetapi juga berkesan dalam kegiatan ekonomi negeri ini.

OARANG di-temui sa-seorang apabila ditanya siapa dia, akan menjawab: "Saya hamba Allah!"

Betul-lah, dia hamba Allah — saperti juga kita dan orang2 lain.

Tapi, tentu-lah jawaban-nya itu ada 'dengong'-nya. Ma'alum saja-lah, sebutan 'hamba Allah' itu lain bunyi-nya dari sa-barang sebutan untuk pengenalan diri sa-seorang. Lain hal-nya kalau dalam sa-suatu munasabah orang itu memang sedia atau memang patut telah di-ketahui dengan sa-barang pengenalan nama-nya atau sa-bagai-nya lalu di-tanya juga 'siapa dia' maka jawaban-nya menyebut diri-nya sa-bagai 'hamba Allah' itu tentu saja menjadikan serba salah kepada orang yang bertanya.

Ada berbagai2 kemungkinan maksud orang mengenalkan diri-nya atau minta diri-nya di-sebut dengan sebutan 'hamba Allah' sahaja itu. Tertaklok-lah kepada munasabah-nya. Mungkin kerana memang hendak merendah diri atau tawadhu' Mungkin juga kerana ada maksud lain.

Allah ta'ala jua yang maha tahu . . .

* * *

YANG SUDAH pasti, dalam suasana hari ini, tentu-lah ada istimewa-nya apabila sa-seorang mengenalkan diri-nya atau minta di-sebutkan diri-nya sa-bagai hamba Allah sahaja. Sebab, ma'alum saja-lah suasana sekarang penuh dengan iklan-iklanan—bukan saja iklan barangan dan perkhidmatan bahkan dalam hal2 tertentu sam-paikan kepada iklan-iklanan nama atau kumpulan orang yang beramal kebajikan.

Ya! Dalam hal2 tertentu itu bukan amal kebajikan saja yang di-iklankan tapi juga orang2-nya.

Sebab itu ada pula orang berpendapat hal itu sa-bagai terlampau 'di-dulor' dan 'di-maniskan.' Barangkali maksud-nya sa-bagai terlalu di-beri 'slot' oleh alat2 media kita.

Lalu orang itu juga mempertikaikan: "Apa tah 'kan berkat-nya lagi?" Dan kemudian dia men-

PADA HEMAT SAYA.....

Dalam suasana iklan-iklanan

jawab-nya sendiri: "Ku fikir aus tia oleh lampung talibishen atu.!"

Kita sama2 ma'alum saja-lah. Sebab ada pula orang lain mengira chara begitu sangat berpatutan sa-bagai tidak saja bertujuan menampakkan sifat murah hati dan rangsanangan malah juga memberi galakan dan merangsang orang ramai supaya turut beramal kebajikan.

Ma'alum-lah saja. Sekarang ini kalau sumbangan kepada anak yatim mital-nya ia sudah di-sebut 'derma'. Kapada orang2 susah atau yang di-timpa sa-suatu kemalangan saperti kebakaran rumah pun di-sebut 'derma'. Tidak lagi orang menyebut-nya 'sedekah'. Kemudian kalau berupa kerja saperti membersekan tanah kuburan, halaman sekolah, membina titian atau jambatan, membangun rumah janda, dan sa-bagai-nya lagi—semua di-sebut 'memuchang2' atau 'kerja sukarela'.

Mana satu pula yang di-sebut 'sedekah' atau 'amal jariah'?

Tapi, apa pun sebutan-nya tentu-lah ia maseh dinamakan kebajikan. *Lalu, apa sa-benar-nya yang di-mahukan oleh orang yang berbuat kebajikan itu?*

Dulu, orang2 kita chuma pandai menyebut mahu menolong untuk mendapatkan pahala dan berkat. Orang sekarang mahukan apa? Dua2 sekali: pahala/berkat + memberi galakan = iklan-iklanan! Begitu-kah?

Dalam semua hal, saya rasa lebih senang dan selamat dengan menjawab: "Wallahu 'alam bis-sawab.!"

* * *

BAGAIMANA PUN, tentang hasil-kah atau tidak maksud2 itu, kita telah diajarkan berpandu kepada niat dan berserah kepada Allah.

Maka dalam munasabah berderma atau bersukarela

membuat itu-ini, apabila sa-seorang lebih senang dia di-ketahui oleh orang — termasuk orang yang di-hajati-nya dalam derma-nya atau amal kebajikan-nya itu — sa-bagai 'hamba Allah' maka dia di-perchayai berniat sa-mata2 mahukan derma-nya dan sedekah-nya atau amal kebajikan-nya itu hasil saperti hajat-nya. Sa-lebih-nya, kalau juga di-iklankan maka orang ramai tentu juga mendapat kesan 'dengong'-nya sa-bagai suatu kelainan dari yang biasa di-dengar, dituntun atau di-bacha.

Dan kelainan-nya itu bukan-lah sa-takat waleh dari yang lain, sebab dengan chara itu orang ramai akan mula merasa betapa apa yang 'di-dulor' dan 'di-maniskan' melalui 'slot' media kita itu patut di-fikirkan lagi dari segi bentuk pengiklanan-nya.

Ya-lah! Bukan tidak perlu di-khuatiri suasana iklan-iklanan sekarang akan sampai melupakan kita kepada bersikap merendah diri atau tawadhu'. Mana-lah tahu, ma'alum saja-lah talibishen itu kuat benar sinar-nya.
BENAR — saperti jua ada orang sudah merasakan suasana iklan-iklanan itu saperti tidak mengizinkan ramai orang untuk merendah diri sa-hingga dalam berbuat amal kebajikan pun kelihatan-nya orang saperti terpaksa berlawanan-lawanan mendapat 'slot' yang baik.

Entah-lah dan entah seribu entah-lah.!

Jika benar-lah begitu, atau hampir benar-lah sudah hal-nya akan begitu maka saya persilakan-lah siapa2 merenongkan che-bisan2 kesah berikut:

*** Allah mengatakan kepada semua gunong2 yang besar dan tinggi di-bumi: "Aku akan mendamparkan bahtera Nabi Nuh berserta orang2 yang beriman dengan-nya ka-atas salah satu di-antara kamu!" Maka gunong2 itu**

pun berlawanan2 tentang keistimewaan masing2 melainkan sa-buah gunung bernama JUDA. Ia merendah diri mengatakan: "Apa-lah keistimewaan-ku sa-hingga Allah akan sudi mendamparkan bahtera Nabi Nuh itu ka-atasku!" Tapi nyata kemudian-nya di-atas gunung JUDA itu-lah bahtera Nabi Nuh di-damparkan Allah.

*** Allah mengatakan kepada semua ikan besar di-laut: "Aku akan memasukkan Nabi Yunus ka-dalam perut salah sa-ekor di-antara kamu!" Maka semua jenis ikan besar itu pun berlawan2 sa-sama sendiri tentang kelayakan masing2 melainkan sa-ekor di-antara-nya yang menginsafi diri-nya, katanya: "Siapa-lah aku sa-hingga Allah akan sudi menjadikan perutku tempat berlindung sa-orang Nabi-Nya!" Tapi nyata kemudian-nya di-perut ikan tersebut itu-lah Nabi Yunus di-perlindungan Allah.**

*** Allah mengatakan kepada barang2 dan semua jenis serangga: "Aku akan meletakkan kapda salah sa-ekor di-antara kamu sa-jenis minuman yang menjadi ubat kapda manusia!" Lalu semua-nya pun membesar2kan diri terhadap satu sama lain melain-lah lebih dengan rendah hati mengatakan: "Siapa-lah aku sa-hingga akan la-layak membawa minuman ubat itu." Tapi nyata kemudian-nya lebih-lah di-beri fungsi membawa madu yang menjadi minuman ubat itu.**

Kata yang amnya kesah, semua gunung, ikan dan burung serta serangga yang lain itu apabila tidak terpilih telah mengemukakan kompelen kepada Allah. Tapi Allah Ta'ala memberitahu mereka bahawa mana2 yang terpilih itu bukan kerana apa2-nya sa-lain kerana masing2 telah bersikap merendah diri atau tawadhu'!

* * *

Pengujungan kata.
Jika kesah2 tadi di-padankan dengan suasana iklan-iklanan sekarang, agak-nya sikap berlawanan2 tentang keistimewaan masing2 itu tepat di-sebut bukan saja dengan sebutan takbur tapi juga dalam bahasa kita sekarang sebutan-nya ia-lah mengasi-asikan diri.
—Ketua Pegawai Penerangan.

.....ada orang sudah merasakan suasana iklan-iklanan itu saperti tidak mengizinkan ramai orang untuk merendah diri sa-hingga dalam berbuat amal kebajikan pun kelihatan-nya orang saperti terpaksa berlawanan2 mendapatkan 'slot' yang baik.



KELIHATAN Pegawai Perhubungan Awam, SMSBB Major Awang Hussain bin Haji Mohammad sedang berjabat tangan dengan sa-orang penuntut terbaik yang menerima hadiah kepujian Shell bagi Daerah Temburong.

Sharikat2 Swasta Di-seru:

SUPAYA PIKUL PERANAN BERSAMA — Hj. Yaakob

TEMBURONG.—Sharikat2 swasta di-negeri ini telah di-seru supaya mengambil dan memikul peranan bersama pada membangun Negeri Brunei menerusi bidang pelajaran menurut kemampuan masing2.

Peranan yang dapat mereka mainkan ia-lah dengan memberikan dermasiswa, alon2 dan latehan2 serta lain2 kursus kepada penuntut2 di-negeri ini seperti yang dilaksanakan oleh Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad.

Demikian seruan yang di-buat oleh Pegawai Daerah Temburong, Awg Haji Yaakob bin Haji Ahmad ketika berucap di-majlis penyampaian hadiah ke-

pujian Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad yang telah di-adakan di-Dewan Sekolah Melayu Puni di-sini pada hari Rabu lepas.

Walau bagaimana pun Awang Haji Yaakob tidak menafikan memang ada sharikat2 swasta lain yang berbuat demikian, tetapi bilangannya sangat sedikit atau pun merupakan satu hadiah yang di-maksudkan berasaskan permintaan yang tertentu.

Menyentuh mengenai dengan perkembangan pelajaran bagi daerah ini, beliau menjelaskan bahawa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia sentiasa mengambil berat tentang perkara itu di-mana pada ketika ini

sa-banyak 14 buah sekolah rendah Melayu telah pun di-dirikan bagi memenuhi kehendak2 penduduk2 dalam memberikan pelajaran.

Tanggungjawab kerajaan dalam memberikan kemudahan pelajaran kepada penduduk2 di-daerah ini telah pun di-sempurnakan dan terpujalah kepada mereka untuk menggunakan kemudahan2 itu menurut erti kata yang sa-benar-nya.

"Saya yakin dan percaya bahawa kerajaan melalui Jabatan Pelajaran telah mempunyai rancangan untuk membangun sa-buah sekolah menengah yang lengkap di-daerah ini yang akan membolehkan penuntut2 lepasan sekolah2 rendah di-daerah ini tanpa berhijrah ka-daerah2 lain yang juga akan dapat mengurangkan kesulitan yang di-hadapi oleh penuntut2 dan tenaga pengajar pada masa ini," tegas-nya.

Di-majlis itu, Awang Haji Yaakob juga telah menyeru guru2 supaya mendidik murid2 dengan perasaan jujur dan penuh dedikasi pada melahirkan pelajar2 yang berbakat dan berilmu pengetahu-



Pegawai Daerah Temburong, Awang Haji Yaakob.

an yang akan menjadi kebanggaan dan ristan kepada mereka kemudian nanti.

"Kapada penuntut2 dan murid2 baik yang telah berjaya mendapat hadiah atau tidak gunakanlah kemudahan2 pelajaran yang telah disediakan oleh kerajaan dengan baik untuk mengisi dada kamu dengan ilmu pengetahuan yang akan menjadi Pelita hidup kamu dalam menepoh berbagai-bagai chabaran hidup di-masa2 akan datang," ujar-nya dengan penuh harapan.

Sa-ramai 36 orang pelajar dari 18 buah sekolah Melayu di-daerah ini telah menerima hadiah2 kepujian dari Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad, hari itu.

Pelajar2 yang terpilih menerima sumbangan hadiah pada hari itu ada-lah mereka2 yang telah mencapai kemajuan chemerlang dalam serba serbi bukan sahaja di-bidang pelajaran malah terpuji dari segi kelakuan, tata susila, disiplin dan sifat2 pembersehi.

Hadiah2 tersebut telah disampaikan oleh Major Awang Md Hussain bin Haji Mohammad, Pegawai Perhubungan Awam Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad.

Timbulkan sikap 'Pedulian' utk mengatasi masaalah bersama

— Awg Mahmud

BANDAR SERI BEGAWAN.— Apa-kah punca yang menyebabkan sa-buah sharikat kedai kerjasama yang memperolehi untong bersih yang terbaik di-negeri ini tetapi sekarang mengalami kerugian dua tahun berturut-turut? So'alan itu di-timbulkan oleh Awang Mahmud Haji Bakyr, Pemangku Pesuruhjaya Kemajuan Kerjasama sa-masa merasmikan Mashuarat Agong Kali Ke-4 Sharikat Kedai Kerjasama Kampong Lugu pada hari Juma'at 5hb Disember yang lalu.

Sharikat kerjasama tersebut telah di-daftarkan pada 8hb. Mach, 1976 dan merupakan sharikat kerjasama ke-6 yang mula2 di-tubuhkan sejak Undang-Undang Sharikat Kerjasama, 1975 di-kuatkuasakan di-negeri ini. Sejak ia-nya di-tubuhkan sharikat kerjasama ini telah memberikan perkhidmatan yang baik kepada ahli2-nya dengan keuntongan perniagaan yang menggalakkan. Tetapi dua tahun berturut-turut kebelakangan ini ia telah mengalami kerugian. Laporan Odit Pendaftar menunjukkan bahawa perbelanjaan untuk menguruskan perniagaan sharikat ada-lah lebih tinggi daripada pendapatan sharikat.

"Apa-kah yang menyebabkan pendapatan sharikat berkurang?" tanya Awang Mahmud lagi.

"Mungkin ada ahli2 yang tidak setia kepada sharikat dengan membeli keperluan2 harian di-tempat lain. Mungkin juga ahli2 membeli ka-tempat lain kerana barang yang di-perlukan tidak ada di-kedai sharikat. Atau mungkin juga kedai sharikat selalu tutup sehingga ahli2 lari membeli ka-tempat lain."

Semua punca yang menyebabkan berkurang-nya pendapatan sharikat itu ada-lah serba mungkin, kata Awang Mahmud "tetapi orang2 yang paling tahu dan arif mengenai perkara itu ada-lah bis-

kita sendiri kerana bis-kita-lah yang ampunya sharikat ini, bis-kita-lah yang memodali-nya hasil daripada permuafataan bersama, dan sudah tentu-lah bis-kita tahu akan sebab atau punca mengapa sharikat bis-kita ini menanggung kerugian."

Perkara tuduh-menuduh sa-sama ahli atau meletakkan kerugian itu bulat2 di-bahu ahli2 jawatankuasa sa-patut-nya tidak timbul, jelas Awg. Mahmud, kerana kerugian itu ada-lah tanggungan bersama.

"Soal yang penting sekarang dan mesti bis-kita selesaikan ada-lah bagaimana chara-nya untuk meningkatkan pendapatan seperti yang pernah di-nikmati oleh sharikat ini pada tahun2 yang sudah," tambah Awang Mahmud.

Untuk mengatasi masaalah yang di-hadapi oleh sharikat, Pemangku Pesuruhjaya itu mengharapakan supaya sikap 'pedulian' sa-tiap ahli terhadap urusan sharikat hendak-lah di-amalkan kerana itu-lah tujuan asal penubuhan sharikat kerjasama ia-itu permuafataan untuk mendapatkan faedah yang dapat di-nikmati bersama. Nadi penggerak sharikat kerjasama, tambah beliau lagi, ada-lah pada kesedaran diri sendiri untuk menyumbangkan bakti kerjasama demi mencapai kesejahteraan bersama.

Awang Mahmud mensifatkan Kedai Sharikat selalu ditutup kerana ketiadaan Penjaga Kedai suatu yang serius dan patut di-peduli serta di-atasi dengan segera oleh ahli2 sharikat.

"Tidak akan dapat di-perolehi kalau barang2 tidak di-jual, dan barang2 tidak akan terjual kalau kedai sentiasa tutup," tegas beliau. "Walau apa pun bentuk tin-

dakan yang bis-kita ambil untuk mengatasi perkara ini, yang pasti ada-lah Kedai Sharikat mesti-lah sentiasa dibuka untuk membolehkan ahli2 dan penduduk2 kampung membeli-belah di-sana," tambah-nya.

Gunakan peluang2 pelajaran yang di-berikan oleh Sharikat Minyak Shell

TUTONG.—Penuntut2 dan murid2 yang maseh berada di-bangku sekolah ada-lah di-ingatkan supaya menggunakan peluang2 pelajaran, dorongan2 dan galakan2 yang di-berikan oleh Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad dan Jabatan Pelajaran Brunei dengan sa-clok2-nya dan sa-baik2-nya.

Peluang2 tersebut ada-lah peluang yang terbesar yang dapat di-lihat di-Negeri Brunei pada masa ini, dan kapada penuntut2 dan murid2 ini-lah letaknya chara2 pengguna'an peluang keemasan yang telah sedia ada itu.

Demikian telah di-tegaskan oleh Wakil Sharikat Minyak Shell, Awg. Sharif bin Haji Naweh, di-Upacara Penyampaian Hadiah Kepujian Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad yang berlangsung pada hari Khamis lalu bertempat di-Dewan Sekolah Melayu Keriam di-Daerah Tutong.

Awang Sharif juga menjelaskan bahawa Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad, hingga ka-hari ini, maseh menawarkan biasiswa2 pelajaran lanjutan bagi penuntut2 Brunei untuk belajar ka-luar

negeri dan juga memberikan bantuan kewangan pada pelajar2 yang dianggap baik oleh sekolah masing2, pehak Jabatan Pelajaran dan guru2, dan di-anggap akan dapat memberikan perkhidmatan kapada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad dan swasta2 yang lain, sa-telah mereka pulang dari luar negeri.

Oleh itu, beliau menasihatkan kanak2 yang menerima hadiah Kepujian Shell supaya tidak menganggu kejayaan mereka itu sa-suatu yang besar pada hari itu.

Terdahulu dari itu, Awang Sharif bin Haji Naweh menjelaskan bahawa Sharikat Minyak Shell menerusi Jabatan Perhubungan Perdagangan-nya memberikan hadiah2 ke-



DAYANG Suryani binte Seruji dari Sekolah Melayu Keriam, sedang menerima hadiah kepujian-nya dari Awang Mohd Shariff bin Haji Naweh wakil Sharikat Shell.

pujian ini khusus-nya bertujuan bagi menggalakkan kanak2 dan pelajar2 tersebut supaya akan dapat mempertingkatkan lagi mutu pelajaran dan pengetahuan mereka.

Sa-lain dari itu ia-nya juga merupakan satu syokongan yang dapat di-sumbangkan oleh Sharikat tersebut ka-arrah usaha2 bagi meningkatkan taraf pelajaran serta juga pengetahuan kanak2, pe-

lajar2, dan penuntut2 di-Negeri Brunei.

Sa-ramai 78 orang murid2 terbaik dari Sekolah Rendah Melayu, Perseidangan Ingeris dan Sekolah Chung Hwa, di-Daerah Tutong, telah menerima hadiah kepujian dari Sharikat Minyak Shell. Sementara itu, hadiah yang sama juga di-berikan kapada murid2 di-Daerah Belait dan Brunei/Muara, minggu lalu.



KELIHATAN salah sa-orang siswazah kecil TABIKA sedang menerima sa-gulung sijil dari isteri Timbalan Pengarah Pelajaran, Dayang Rogayah binte Haji Shafie.

PESTA PENDIDEKAN TABIKA

Oleh : JAHRI LATIF

BANDAR SERI BEGA-
WAN. — Pesta Pendidekan
an dan Majlis Penyampai-

an Sijil2 Kelas TABIKA
Nusa Laila Puteri yang
di-adakan di-Dewan Seko-
lah Melayu Pusu Ulak di-
sini berlangsung dalam
suasana meriah dengan
berbagai acara persem-
bahan.

Pesta tersebut yang di-
adakan bagi kali kelima-
nya pada hari Ahad ming-
gu lalu itu merupakan
aktiviti tahunan yang tel-
ah di-saksikan oleh kira2
sa-ribu orang ibu-bapa
dan kanak2.

Pengetua TABIKA,
Puan Sharifah Nor binte
Syed Ibrahim dalam ucha-
pan-nya di-Pesta Pendi-
dekan itu berkata guru2
TABIKA mempunyai pe-
ranan yang menchermin-
kan contoh tauladan
yang baik seperti sifat
suka tolong-menolong, be-
kerja-sama, berbudi baha-
sa dan berakhlak tinggi di-
samping menanamkan se-
mangat setia kawan.

Puan Sharifah Nor sa-
terus-nya menegaskan,
"Ibu-bapa harus menjauh-
kan sikap memanja, me-
layani kemahuan dan ka-
seh sayang yang keterlalu-
an kepada anak2 mereka
kerana sikap itu boleh
membahayakan fizikal
dan mental kanak2 yang
boleh menyebabkan ka-
nak-anak itu menjadi pe-



ISTERI Ketua Pegawai Penerangan, Dayang Maimunah binte Haji Omar sedang memakainya sandang Ratu TABIKA 80 yang telah di-menangi oleh adek Wan Aslina bte Ibrahim, sedang di-perhatikan oleh Pengetua TABIKA, Dayang Sharifah Nor bte Syed Ibrahim.

malas, tidak bertanggung-
jawab, tidak berpendirian
dan lemah menghadapi
masa depan-nya."

Dalam hal ini, kata
Puan Sharifah Nor lagi,
TABIKA mengambil pe-
ranan yang positif me-
latah kanak2 berdikari,
memupok dan membantu
dalam masaalah pemben-
tukan jiwa dan emosi
kanak2.

"Jiwa yang sehat meru-
pakan aspek utama ka-
pada kesuburan pertum-
bohan rohani dan jasmani
kanak2. Hasil pertumboh-
an yang sehat itu, kanak2
akan memiliki nilai2 ke-
manusiaan yang baik dan
tinggi sesuai dengan ke-
hendak masyarakat Is-
lam," tegas Puan Sha-
rifah Nor.

Untuk menchapai mata-
lambat itu, kata-nya, pe-
hak TABIKA Nusa Laila Pu-
teri yang mempunyai
enam chawangan di-Dae-
rah Brunei dan Muara te-

lah pun membuat bebera-
pa perkembangan baru
mengikut suasana masha-
rakat Islam di-negeri ini,
dengan menitek beratkan
pendidekan agama Islam,
mengadakan kelas me-
ngaji dan pelajaran sem-
bahyang.

Pg Mohammad bin Pg
Haji Abdul Rahman ke-
tika berucap mewakili
bagi pehak ibu-bapa di-
majlis itu berkata kita sa-
bagai masyarakat Islam
yang mempunyai anak2
Islam betapa wajib-nya
mendidek dengan pelajar-
an Islam. Kerana kata-
nya, tidak ada lorong ba-
gi ajaran sesat untuk me-
masuk fikiran kanak2
jika kanak2 itu memiliki
pelajaran agama yang
betul.

Beliau sa-terus-nya me-
nyarankan supaya TA-
BIKA Nusa Laila Puteri
akan menitek beratkan
pelajaran jawi. Kerana
menurut-nya, jawi meru-
pakan asas penting ke-
budayaan masyarakat Is-
lam; kalau jawi itu hi-
lang maka lenyap-lah ke-
budayaan istimewa bagi
negara dan bangsa kita.

Antara acara Pesta
Pendidekan pada hari itu
termasuk-lah persembah-
an2 tarian dan nyanyian
oleh kanak2 TABIKA, pe-
raduan pakaian beragam
dan peraduan memilih
Ratu TABIKA 80 yang
telah di-sandang oleh
adek Wan Aslina binte
Ibrahim dengan feshen
pakaian Minangkabau.

Kemunchak majlis itu
ia-lah penyampaian sijil-
sijil kepada kanak-kanak
TABIKA terbaik di-sam-
ping penyampaian sijil2
yang telah menamatkan
pelajaran asas-nya sa-
lama dua tahun dan me-
reka itu akan meneruskan
pelajaran-nya ka-darjah
satu di-Sekolah2 Rendah
Melayu.



SALAH sa-orang kanak2 yang mengambil bahagian dalam peraduan pakaian beragam kelihatn sedang beraksi sa-bagai sa-orang tentera.

Jadual perjalanan Pos bergerak

BANDAR SERI BEGA-
WAN.—Perkhidmatan Pos
Bergerak yang telah men-
jalankan perkhidmatan-
nya sejak 1hb Disember,
1980 yang lalu, telah mem-
buat perjalanan di-bebera-
pa tempat di-sekitar di-
Daerah Brunei dan Muara.
Jadual hari dan waktu
yang telah di-tetapkan
ada-lah seperti berikut:—

Isnin

Pejabat Istana Darul
Hana 8.00 pagi, Sekolah
Melayu Kilanas 8.35, Ge-
rai Kampong Tanjong Bu-
nut 8.50, Pejabat Per-
tanian Kilanas 9.05, Seko-
lah Melayu Jerudong 9.35,
Kawasan Kedai Indah
Pandangan Laut Jerudong
9.50, Kantin Jerudong
Park 10.15.

Selasa

Sekolah Melayu Bang-
kurong 8.00 pagi; Sekolah
Melayu Masin 8.20, Seko-
lah Melayu Pengkalan Ba-
tu 8.40, Sekolah Melayu
Bebuloh 9.10, Sekolah Me-
laya Panchor Murai 9.50.

Kampong Bebatik 10.10,
Sekolah Melayu Mulaut
10.25, Sekolah Melayu
Kati Mahar 10.45, Kedai
Sharikat Kerjasama Kam-
pong Lugu 11.00, Sekolah
Melayu Kupang 11.15.

Rabu

Pejabat Istana Darul
Hana 8.00 pagi, Sekolah
Melayu Kiulap 8.35, Seko-
lah Kiarong 8.50, Sekolah
Melayu Pantai Jiam Beribi
9.05, Gerai Kampong
Jangsak 9.25, Sekolah Me-
layu Mata-Mata 9.45.

Kedai Iktisad Ibunda
Kampong Mata-Mata

10.00, Maktab Perguruan
Hassanal Bolkiah Gadong
10.20, Sekolah Melayu
Gadong 10.35, Sekolah
Melayu Tungku 10.55,
Kawasan Perumahan Ga-
dong Estate 11.10, Kawa-
san Rumah Ketua Kam-
pong Rimba 11.25.

Khamis

Sekolah Melayu Subok
8.00 pagi, Kawasan Kedai
Kerjasama Kampong Be-
limbing 8.15, Sekolah Me-
layu Pintu Malim 8.35,
Kawasan Kedai Kampong
Dato Gandi 8.50, Sekolah
Melayu Dato Gandi 9.05,
Kawasan Kedai Kampong
Sungai Matan 9.20, Seko-
lah Melayu Sungai Besar
9.40.


Sekolah Melayu Mentiri
9.55, Sekolah Melayu Se-
rasa 10.20, Pusat Perubat-
an AMDB Muara 10.40,
Sekolah Melayu Tanah
Jambu 11.05, Kawasan
Rumah No. 16 Kampong
Salambigar 11.20, Sekolah
Melayu Sungai Hanching
11.40.

Sabtu

Sekolah Melayu Amar
Pahlawan 8.00 pagi, Seko-
lah Melayu Anggerek De-
sa 8.15, Sekolah Ingeris
Berakas 8.30, Kawasan
Kedai Mah Serah Batu 5,
Kampong Serusup 8.45,
Kawasan Rumah No. 15
Kampong Terunjing 9.10,
Kawasan Rumah No. 74D
Kampong Manggis Dua
9.40, Pusat Latehan Polis,
Jalan Muara 9.55.



PEMENANG peraduan pakaian beragam berlagak sa-bagai sa-orang pendekar.



KELIHATAN Kereta Pos Bergerak ketika singgah di-Pusat Latehan Polis, di-Jalan Muara, Sabtu lepas.

Persatuan Bekas Penuntut SOAS sambut awal Tahun Hijrah 1401

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu majlis sempena sambutan awal Tahun Hijrah 1401 yang dianjurkan oleh Persatuan Bekas Penuntut Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin telah di-langsungkan di-Dewan Kuliah Bangunan Peringatan Churchill di-sini pada hari Khamis 4hb Disember, yang lalu.

Majlis pada malam itu telah di-mulakan dengan persembahan bacaan ayat2 suci Al-Koran yang di-sampaikan oleh Awang Marsal bin Haji Masri kemudian-nya di-ikuti dengan ucapan aluan Pengerusi Majlis, Awang Abd. Rahman bin Md. Yassin dan sa-terus-nya di-ikuti dengan persembahan deklamasi sajak oleh Awangku Jamaluddin bin Pengiran Yusof dan Dayang Hajjah Lelawati bte Abdul Jalil.

Kemunchak dari acara pada malam itu ia-lah cheramah khas mengenai dengan Hijrah yang di-sampaikan oleh Awang Haji Adam bin Haji Ahmad, Pendarah Maktab Perguruan Ujama Seri Begawan.

Majlis yang berkebayangan yang julong2 kali di-adakan oleh persatuan itu telah di-akhiri dengan persembahan marhaban yang di-sampaikan oleh ahli2 persatuan tersebut.

Balai ibadat Kg. Sg. Teraban

KUALA BELAIT. — Sebuah lagi balai ibadat telah di-rasmikan pembukaannya di-daerah ini pada hari Ahad 6hb Disember lalu.

Majlis perasmian pembukaan balai ibadat kali ini berlangsung di-Kampung Sungai Teraban di-sini dan ia-nya di-sempurnakan sempena sambutan Awal Tahun Hijrah 1401.

Kira2 100 orang penduduk2, pegawai2 Jabatan Hal Ehwal Ujama dan pegawai2 kanan jabatan2 kerajaan lain-nya telah turut hadir dan seterusnya memeriahkan upacara pagi itu.

Balai ibadat tersebut yang di-jangka boleh menampung keperluan para penduduk di-situ telah di-rasmikan pembukaannya oleh Yang Berbahagia Pemandu Pegawai Daerah Belait, Pengiran Idris bin Al-Marhum Pengiran Temenggong Sahibul Bahar Pengiran Haji Mohammed.



KELIHATAN para jemputan2 khas dan penuntut2 yang hadir di-majlis pada malam itu (gambar atas) dan persembahan deklamasi sajak yang di-sampaikan oleh Ak Jamaluddin bin Pengiran Yusof dan Dayang Hajjah Lelawati bte Abdul Jalil, (kiri).

AMDB anjur kursus fardhu 'Ain dan Kifayah

BERAKAS. — Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei, bukan sahaja menyediakan berbagai kursus ketenteraan bagi anggota2-nya, malah pasokan tersebut juga ada menganjurkan kursus2 Keugamaan bagi anggota2 pasokan-nya.

Pada 8hb. Disember lepas, sa-ramai 34 orang anggota2 pasokan Askar Melayu Diraja Brunei dari berbagai chawangan, termasuk anggota dari Battalion Pertama dan Kedua, Angkatan Laut Chawangan Udara dan Pusat Latihan, telah menyertai kursus Fardhu 'Ain dan Kifayah, bertempat di-Madrasah Perkhidmatan Berakas.

Kursus yang di-anjurkan buat kali ka-tiga-nya oleh pasokan tersebut, telah di-rasmikan oleh Yang Dimuliakan Pehin Datu Maharajalela Major Dato Haji Musa bin Haji Ya'kub, Pegawai Pengambilan Pusat Latihan AMDB.

Peserta2 kursus akan mengikuti kursus Fardhu 'Ain dalam minggu per-

tama, yang mana kursus tersebut akan melibatkan bahagian teori hingga ka-praktikal, sementara Kursus Fardhu Kifayah akan bermula dalam minggu kedua.

Semasa dalam kursus, peserta2 kursus akan mengikuti beberapa sharahan-sharahan ujama yang di-sampaikan oleh Pegawai Jabatan Hal Ehwal Ujama Brunei, dan pendarah2 yang di-jemput khas. Sa-lain dari itu, mereka juga akan mengikuti beberapa cheramah mengenai nikah-cherai,

Haji dan lain2.

Kursus Fardhu 'Ain dan Kifayah bagi anggota2 Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei ini, akan berakhir pada 19hb. Disember ini dengan satu upacara Penyampaian Sijil kepada peserta2 kursus oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Lt. Kolonel Dato Seri Pahlawan Haji Mohammad bin Haji Daud.

Sa-takat ini, kira2 57 orang anggota2 pasokan tersebut telah menyertai kursus yang sa-rupa.

Kadet berkursus di-Singapura

BERAKAS KEM. — Rejimen Askar Melayu Diraja Brunei akan menghantar sembilan orang anggota2 Pasokan Brunei Kadet-nya untuk mengikuti satu kursus di-Singapura.

Kursus empat hari yang bermula pada hari Sabtu, 20hb Disember yang akan datang itu bertempat di-Sekolah Outward Bound, Pulau Ubin, Singapura.

Mereka yang telah terpilih untuk mengikuti kursus "Outward Bound" ini ia-lah: Mohd Hussaini Ibrahim, Musa bin Aman, Yakob bin Zainip, Yusri Zailani, Azami Ali, Abu Bakar Mohd Alias, Khalid Amat, Jahari Amat dan Daud Abang.

Turut bersama dengan para peserta2 kursus ini termasuk-lah WO2 Salleh Ali.



KELIHATAN peserta kursus Fardhu 'Ain dan Kifayah Pasokan AMDB sedang mendengar penerangan mengenai kursus tersebut dari Ustaz Ahmad Haji Mokhtal.



Insuran pampasan pekerja2 rumah-tangga

BANDAR SERI BEGAWAN. — Para majikan telah di-nasehatkan supaya melindungi orang2 gaji yang menyelenggarakan tugas2 rumah-tangga dengan polisi insuran pampasan peketja.

Satu kenyataan daripada Pesuruhjaya Buroh baru2 ini menjelaskan Bab 2 dari Undang2 (Pindaan) Pampasan Pekerja Negeri Brunei, 1978 telah di-perluaskan bagi meliputi pengambilan orang2 gaji rumah-tangga persendirian seperti amah, tukang kebun, tukang masak, penjaga kanak-kanak damit, pemandu dan lain2 jenis pekerjaan yang bersangkutan dengan perkhidmatan persendirian bagi majikan.

Oleh yang demikian, pampasan kena di-bayar di-bawah Bab 8, Jadual Ketiga dari Undang2 (Pindaan) Pampasan Pekerja Negeri Brunei, 1978 kepada orang2 gaji rumah-tangga persendirian kerana kechederaan yang di-alami sa-masa menjalankan pekerjaan mereka meski pun pekerjaan tersebut tidak berkaitan dengan perdagangan, pekerjaan atau perniagaan majikan.

Wad kanak2 baru



Satu majlis pembukaan rasmi bangunan tambahan wad kanak2 baru Rumah Sakit Umum Bandar Seri Begawan telah di-adakan pada hari Sabtu minggu lalu di-sini.

Ia-nya telah di-rasmikan oleh Pengarah Perkhidmatan2 Perubatan dan Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Tabib Laila Diraja Dato Paduka Seri Laila Jasa Dr. P. I. Franks.

Wad baru itu telah di-lengkapkan dengan sebuah peti talivishen berwarna yang telah di-sumbangkan oleh Globe Enterprise bersempena dengan majlis tersebut.

Bacaan doa selamat telah di-sampaikan oleh Yang Dimuliakan Pehin Tuan Imam Dato Setia Awang Haji Mohd Tamin. Pemandangan Wad Kanak-kanak yang baru di-rasmikan (Gambar atas).



CHITRAWARA GIMBANG KULA

ADA yang tengah berlakun, ada yang sedang menyemak skrip dan ada pula yang menunggu giliran. Begitu-lah berbagai ragam yang terdapat dalam gambar ini ketika rakaman lakunan Chitrawara Gimbang Kula dirakamkan.

Dari kiri kelihatan Zainab Haji Taha, Ali Haji

Aji, Mohd Noor Muhammad, Abas Haji Omar dan Abdul Manaf Adam. Sementara yang membelakangkan kamera ialah Mohd Shah Salleh dan Jaayah Haji Jaya.

Rancangan Chitrawara Gimbang Kula akan dapat awda ikuti siaran-nya pada tiap2 hari Jumaat jam 4.30 petang.



LOVE BOAT — "Hollywood Royalty"



ROY dan Bill (Michele Lee, kanan dan Fernando Lomas, tengah) ketika berbulan madu dalam kapal Pacific Princess dari siri The Love Boat yang akan dapat di-ikuti tayangan-nya pada hari Selasa ini.

RANCHANGAN TVP DARI 22HB HINGGA 28HB DIS.

ISNIN — 22HB DIS

PAGI

10.30 KAP KAP UDANG 241

Di-dalam ranchangan kali ini Chegu Sa'diah dan kanak2 akan membuat aktiviti2 seperti NAIK KUDA, LIHAT DAN PERHATI, MENYANYI SAMBIL BERGAYA, PAK LONG, SIRI PERMULAAN DAN CHERMIN SAKTI.

Chegu Sa'diah dan kanak2 akan NAIK KUDA pergi ka-kebun sayur2an.

Di-sudut LIHAT DAN PERHATI Chegu Sa'diah akan mengajar nama2 sayur2an seperti kobis, terong, timon, kacang bunchis, labu kuning dan lobak merah.

Di-siri PERMULAAN pula Chegu Sa'diah akan membaca buku bertajok "Padang Pasir".

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 241.

SELASA — 23HB DIS

PAGI

10.30 KAP KAP UDANG 242.

Ranchangan kali ini di-muati dengan aktiviti2 seperti RUANGAN BERLAKON, PAPAN HIKMAT, MANIS, AMIN, GAMBAR DAN SEBUTAN DAN CHERMIN SAKTI.

Minggu ini si-MANIS berpesan pada kawan2-nya supaya menggunakan payong apabila hari hujan.

Di-sudut GAMBAR DAN SEBUTAN Chegu Sa'diah akan mengajar perkataan yang bermula dengan huruf "m".

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 242.

RABU — 24HB DIS

PETANG

4.30 KAP KAP UDANG 243.

Ranchangan kali ini di-muati dengan aktiviti2 seperti BOLA TUMBOK, TUNJOK BENDA, AMINAH, BERSENAM, YANG MANA GANJIL DAN CHERMIN SAKTI.

KHAMIS — 25HB DIS

PETANG

4.30 KAP KAP UDANG 224

Di-dalam ranchangan ini kanak2 akan dapat menyaksikan aktiviti2 seperti bermain BELON SI-MANIS, KERJA TANGAN, AMIN, MENYANYI SAMBIL BERGAYA, HALAMAN BERCHERITA DAN CHERMIN SAKTI. Di-HALAMAN BERCHERITA Chegu Sa'diah akan membaca buku bertajok "Sang Kanchil Dengan Gergasi".

JUMAAT — 26HB DIS

PETANG

4.30 KAP KAP UDANG 67.

Di-dalam ranchangan kali ini kanak2 akan berpeluang menyaksikan aktiviti2 MARI BERLAKON, KERJA TANGAN, SI-MANIS, AMIN, KATA SI-MANIS, SIRI PERMULAAN DAN CHERMIN SAKTI.

Di-sudut MARI BERLAKON, Chegu Sa'diah dan kanak2 akan berlakon membena sa-buah rumah.

SI-MANIS berpesan pada anak2 supaya sentiasa menolong mengemaskan dan membereskan rumah dan sekeliling-nya. Tolong enak bersekitar rumah jika ada masa lapang.

Di-halaman SIRI PERMULAAN, Chegu Sa'diah akan menunjukkan gambar2 'rumah' dan akan bercherita tentang gambar2 itu.

Pada akhir ranchangan, seperti biasa Chegu Sa'diah akan menyebut nama kanak2 melalui CHERMIN SAKTI-NYA.

SABTU — 27HB DIS

PETANG

4.30 KAP KAP UDANG 245.

Ranchangan kali ini di-muati dengan aktiviti2 seperti, BERMAIN KERUSI, BANG, KETUA KESELAMATAN, AMINAH, HALAMAN BERCHERITA DAN CHERMIN SAKTI.

KETUA KESELAMATAN minggu ini melarang kanak2 menggunakan gunting tajam. Bila hendak menggunting minta tolong dari orang tua.

Di-HALAMAN BERCHERITA Chegu Sa'diah akan membaca buku bertajok "Asal Usul Sungai Si-Amas."

AHAD — 28HB DIS

PETANG

4.30 KAP KAP UDANG 71

Ranchangan kali ini di-muati dengan aktiviti2 seperti NAIK KUDA, LIHAT DAN PERHATI, KATA SI-MANIS, SIRI PERMULAAN DAN CHERMIN SAKTI.

Di-sudut NAIK KUDA Chegu Sa'diah dan kanak2 akan pergi ka-sawah padi. Chegu Sa'diah akan mengajar benda2 yang boleh di-dapati di-sawah padi di-sudut LIHAT DAN PERHATI.

Di-SIRI PERMULAAN Chegu Sa'diah akan membaca buku bertajok "Menuai Padi".

Siri Vegas pada malam Isnin ini



GAMBAR atas Phyllis Davis yang berlakon sa-bagai Beatrice dalam siri penginapan kesukaan ramai VEGAS yang akan dapat awda ikuti siaran-nya pada tiap2 hari Isnin jam 7.34 malam.

RANCHANGAN TV MINGGU INI

Pihak Radio Talivishen Brunei berbak untuk menukar mana2 jua ranchangan yang di-fikirkan perlu tanpa memberi tahu terlebih dahulu.

RABU - 17HB DIS.

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
- 4.30 KAP KAP UDANG
- 5.00 ANIMAL WORLD — Ep. 156
- 5.30 THE NEW SCHMOO
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.05 THE FRIENDS OF MY FRIENDS "Children of the Island"
- 6.18 AZAN MAGHRIB
- 6.22 THE FRIENDS OF MY FRIENDS — sambongan
- 6.30 DR. WHO — Ep. 2 — "The Ribo's Operations"

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 THE MISADVENTURES OF SHERIFF LOBO — "Police Escort"
- 7.33 AZAN ISHA
- 7.37 THE MISADVENTURES OF SHERIFF LOBO — sambongan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.30 MAJALLAH BRUNEI
- 8.50 THE WAR YEARS — "The Battle of Normandy" Pelancaran serangan di-jadualkan pada 6hb Jun, 1944 itu bergantung kepada cuaca yang mana boleh menukar haluan nasib peperangan keseluruhan-nya.
- 9.40 TAYANGAN GAMBAR TV — "Welcome to Hard Times"
- 11.00 SIARAN TAMAT.

KHAMIS - 18HB DIS.

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN

- 4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
- 4.30 KAP KAP UDANG
- 4.55 SESAME STREET
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.05 NEW TOM AND JERRY SHOW
- 6.18 AZAN MAGHRIB
- 6.22 NEW TOM AND JERRY SHOW — sambongan
- 6.32 THE TOMORROW'S PEOPLE

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 GREAT WESTERN THEATRE
- 7.33 AZAN ISHA
- 7.37 GREAT WESTERN THEATRE — sambongan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.30 HIDAYAT
- 9.00 DUNIA MINGGU INI
- 9.30 WKRP IN CINCINNATI — "God Talks to Johnny" Johnny mendakwa telah berkata2 dengan Tuhan dan ini menyebabkan rakan2 sejawat-nya berpendapat dia berkehendakan pemereksaan doktor!
- 10.00 TELFORD'S CHANGE — Ep. 10
- 10.50 THE BIG VALLEY — Ep. 7149
- 11.40 SIARAN TAMAT.

JUMAAT - 19HB DIS.

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
- 4.30 KAP KAP UDANG
- 5.00 SONG BOOK

- 5.15 CHILDREN'S SERIAL
- 5.15 KID POWER
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.05 BIG FOOT AND WILD BOY — Siri Baru
- 6.18 AZAN MAGHRIB
- 6.22 BIG FOOT AND WILD BOY — sambongan
- 6.30 THE MUPPET SHOW — 'James Coburn'

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 THE MONTE CARLO SHOW
- 7.33 AZAN ISHA
- 7.37 THE MONTE CARLO SHOW — sambongan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.30 PANORAMA
- 9.00 BENSON — Episod terakhir
- 9.30 BIG LEAGUE SOCCER
- 10.20 HAWAII FIVE O — "The Bells Tell At Noon" Kesah sa-orang penagih dadah — kemudian bertaubat dan apabila berjumpa sa-orang pengedar dia memakan dadah lagi sa-hingga mati kerana "overdose".
- 11.15 SIARAN TAMAT.

SABTU - 20HB DIS.

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
- 4.30 KAP KAP UDANG
- 4.55 SESAME STREET
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.05 THE THING
- 6.18 AZAN MAGHRIB
- 6.22 THE THING — sambongan
- 6.30 BEWITCHED — "Samantha's Hot Bedwarmer"

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 FOUNDATION
- 7.33 AZAN ISHA
- 7.37 FOUNDATION — sambongan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.30 MAJALLAH BRUNEI
- 8.50 MARI MEMASAK
- 9.20 TAYANGAN FILEM INDONESIA "Malim Kundang"
- 11.10 CITIES — "Rome"
- 12.00 SIARAN TAMAT.

AHAD - 21HB DIS.

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
- 4.30 KAP KAP UDANG
- 5.00 DON'T JUST SIT THERE
- 5.30 CAPTAIN CAVEMAN
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.05 CHILDREN'S FEATURE Ep. 11 "Echo of the Badlands"
- 6.21 AZAN MAGHRIB
- 6.25 CHILDREN'S FEATURE — sambongan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 THE DUKE OF HAZZARD — Satu siri baru yang penuh aksi kerana keluarga Duke selalu menchabar sistem kehidupan biasa di-Hazzard County.
- 7.36 AZAN ISHA

- 7.40 THE DUKE OF HAZZARD — sambongan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.30 GEORGE AND MILDRED — Ep. 4 "Travelling Man"
- 9.00 BINTANG UNDANGAN
- 9.50 TINKER TAILOR SOLDIER SPY — Ep. 2 Tarr bertemu Irina, sa-orang pengintip Russia. Irina ingin berpaling tadah, dan kerana itu dia sanggup memberikan rabsia kepada Tarr.

- 10.40 ARMCHAIR THRILLER — "Quiet As A Nun" Pt. 3

- 11.10 SIARAN TAMAT

ISNIN - 22HB DIS.

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
- 4.30 KAP KAP UDANG
- 5.00 CHILDREN OF FIRE MOUNTAIN
- 5.30 YOUNG PEOPLE'S SPECIALS
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.05 FREEWHEELERS — Episod terakhir
- 6.21 AZAN MAGHRIB
- 6.25 FREEWHEELERS — sambongan
- 6.30 JASON OF STAR COMMAND

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 VEGAS — "The Golden Gate Copkiller" Bahagian 2.
- 7.36 AZAN ISHA
- 7.40 VEGAS — sambongan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.30 MAJALLAH BRUNEI
- 8.50 MINDER
- 10.30 WARSHIP — "Robertson Crusoe" Ada-lah menjadi kewajipan kepada anak2 kapal HERO untuk mengibarkan bendera British di-atas kapal mereka ketika melalui Erral yang bergelora walau pun sedang membawa sa-biji periok api yang hampir meletup.
- 11.10 SIARAN TAMAT.

SELASA - 23HB DIS.

PETANG


- 4.15 PEMBUKAAN
- 4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
- 4.30 KAP KAP UDANG
- 5.00 HECKLE AND JECKLE
- 5.30 SHARI SHOW — "Bearly Off the Record"
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.05 GRANGE HILL
- 6.21 AZAN MAGHRIB
- 6.25 GRANGE HILL — sambongan
- 6.30 THE JACKSONS

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 LOVE BOAT — "Hollywood Royalty" Jutawan Roz dan Bill telah berkahwin semula dan berbulan madu di-kapal Pacific Princess.
- 7.36 AZAN ISHA
- 7.40 LOVE BOAT — sambongan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.30 DOKUMENTARI: "Afghanistan 1980"
- 9.15 TAYANGAN GAMBAR: "The Great Waldo Pepper"
- 10.45 BILLY LIAR
- 11.20 SIARAN TAMAT.



APABILA Dee Dee (kiri), Taffy (tengah) dan Brenda berkehendakkan bantuan dalam penggambaran mereka, Captain Caveman yang selalu di-panggil mereka. Siri untuk kanak2 ini di-tayangkan pada tiap2 hari Ahad jam 5.00 petang.



MEMANG tidak dapat di-nafikan, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, dalam usaha bagi mengujudkan negara yang sehat, sentiasa menitik-beratkan kesihatan rakyat dan penduduk2-nya. Salah satu dari usaha2 yang sedang giat di-perlakukan dalam menuju ka-matalamat tersebut ia-lah usaha untuk mengawal penyakit batuk kering (TB) dari merebak dan seterusnya menghapuskan-nya sama sekali dari negara kita.

Untuk menjayakan hasrat negara itu-lah maka-nya kita dapat Bahagian Klinik Dada Jabatan Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan kini giat meneruskan kempen X-Ray bagi mengesan sa-berapa awal yang boleh akan sa-barang kejadian penyakit batuk kering, dan sa-terus-nya memberikan rawatan kepada mereka yang di-dapati di-jangkiti oleh pe-

nyakit tersebut. Sa-lain dari penyakit batuk kering, X-Ray juga boleh mengesan penyakit2 yang berkaitan dengan jantung dan paru2.

Kawasan2 yang menjadi pusat pelancaran Bahagian Klinik Dada dalam mengendalikan kempen X-Ray ketika ini ialah kawasan2 perkampungan di-Daerah Tutong. Ia-nya telah di-lancarkan di-daerah tersebut sejak bulan September, 1978. Dalam jangka masa se-lama lebih dari dua tahun

KEMP BAG



**Di-Belait,
dari 1,371 pendaf-
taran, hanya
608 orang atau
44 peratus sahaja
yang menjalani
X-Ray.
Ini mendukachita-
kan, kerjasama
penduduk2 sangat2
di-harapkan
untuk menchapai
matalamat
kempen.**

itu, sa-banyak 27 buah kampung di-Daerah Tutong telah pun menjalani kempen tersebut.

Menerusi 27 buah kampung yang mengandungi 1,000 buah rumah, Pekerja2 Luar Batuk Kering telah menerima sa-banyak 3,500 pendaftaran. Pendaftaran hanya di-buat bagi penduduk2 yang ber-usia 15 tahun ka-atas. Dan dari jumlah 3,500 orang, sa-ramai 60 orang telah menjalani pemeriksaan lanjut di-Rumah Sakit Besar, di-Bandar Seri Begawan, yang mana pemeriksa-annya tersebut melibatkan pemeriksaan darah, dahak, ayer kenching dan sa-bagai-nya. Keputusan yang di-dapati melalui pemeriksaan lanjut itu ia-lah sa-ramai 11 orang dari mereka di-dapati mengi-dap penyakit batuk kering.

Baru2 ini kempen X-Ray telah pun giat di-lancarkan di-Kampung Sinaut, Daerah Tutong Sapierti yang lazim-nya di-



SA-BAGAIMANA yang kita sama2 maklom bahawa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan sedang giat mendirikan masjid2 dan balai2 ibadat di-seluruh negeri. Usaha kerajaan ini ada-lah sangat2 di-tuntut oleh U gama Islam sa-bagai tempat memancarkan shi'ar kemuliaan U gama Islam di-negeri ini. Dan ada pun berkat serta munafaat-nya akan di-terima oleh Brunei Darussalam dan juga oleh kita umat Islam seluruh-nya.

Ada pun kerajaan membena atau mendirikan masjid itu ada-lah suatu perkara besar dalam ugama, ia-itu termasuklah sa-barang kerja atau usaha pada memelihara atau membaiki atau meramalkan-nya. Semua itu di-anggap sa-bagai amal kebajikan yang sangat terpuji dan mendatangkan pahala. Ia (pekerjaan ini) sekali2 tidak akan di-lakukan, melainkan hanya oleh orang2 yang beriman, yang perchaya kepada Allah dan hari kiamat, yang mendirikan sembahyang dan mengeluarkan zakat, dan oleh orang2 yang tidak takut, kechuali hanya kepada Allah s.w.t. sahaja, sa-bagaimana firman-Nya dalam Surah At-Taubah ayat 18.

Apa-kah jenis balasan bagi orang2 ini?

Bersabda Rasulullah s.a.w. yang bererti: "Barangsiapa yang mendirikan masjid tempat beribadat kerana Allah, walau pun ia-nya sa-besar sarang burung, neschaya Allah dirikan untuk-nya mahligai di-dalam shorga."

Oleh kerana itu-lah, telah termaktub dalam sejarah, betapa Rasulullah s.a.w., tatkala sampai sahaja Baginda di-wilayah Yathrib atau Madinah, maka tidak ada kerja lain yang di-kalinga-nya, melainkan membangunkan dahulu masjid. Tidak mengapa kita belakangan buat sementara perkara lain, yang mustahak dan wajib ia-lah mendirikan Rumah Allah, tempat mengumandangkan azan, tempat bertakbir dan bertahmid. Itu-lah dia masjid Quba, wahai kaum muslimin, yang tuan2 saksikan ketika berada di-Madinah dalam masa tuan2 mengerjakan ibadat haji.

Beribadat di-dalam Masjid

Kita perchaya, manakala di-sedari hal ini, tentu-lah akan menumbuhkan lagi rasa kaseh sayang kita terhadap masjid. Dan satu2-nya chara bagi memboktikan kaseh sayang itu, ia-lah dengan menggemari datang ka-masjid, datang kerana membuat ibadat di-dalam-nya. Bukan sahaja sekali dalam sa-minggu, tetapi pada sa-tiap kali waktu sembahyang ia-itu bagi mereka yang mampu berbuat demikian, terutama-lah mereka yang mempunyai rumah2 berhampiran dengan masjid.

Hidupkan-lah masjid dengan gema azan yang tidak putus2 pada sa-tiap waktu sembahyang. Jika tuan di-minta azan kerana bilal tidak dapat hadir kamajid di-sebabkan uzor umpama-nya, maka berdirilah, dan lagukan azan dengan sempurna, kerana fadhilat menjadi mu'azin itu sangat jelas di-terangkan oleh Nabi s.a.w., sa-bagaimana hadits Baginda yang bermaksud: Tiga orang pada hari kiamat dudok di-atas tempat yang tinggi daripada kasturi hitam, mereka tidak merasa susah dengan perhitungan hari kiamat, dan malah tidak di-sentuh oleh sa-barang ketakutan, sehingga-lah selesai perhitungan itu di-antara ma-



nusia. Mereka itu ia-lah: (Pertama) orang yang membacah Al-Kor'an sa-mata2 kerana Allah dan menjadi imam sembahyang kepada manusia, sedang makmum2-nya itu redha kapada-nya. (Kedua) orang yang di-uji dengan kesempitan rezeki, tetapi hal itu tidak-lah memalingkan-nya dari berbuat amal untuk akhirat-nya dan (Ketiga) orang yang bang di-dalam masjid dan berdo'a semata2 kerana mengharapkan keredhaan Allah.

Kemudian hadits lain lagi bermaksud: Rahmat pertolongan Allah ada-lah hampir di-atas kepala orang yang azan/bang, sehingga selesai ia daripada azan-nya.

Daripada hadits ini, menjelaskan, bahawa bukan alang2 fadhilat itu, dan bukan alang2 mertabat orang2 yang melakukan-nya di-sisi Allah.

Sa-lain itu, banyak lagi amalan yang boleh di-buat di-dalam masjid, sambil kita dudok2 menantikan masok-nya waktu sembahyang, hendaklah kita elakkan dari berchakap-chakap yang sia2. Tetapi sa-balik-nya, banyaklah membacah Al-Kor'an, atau membacah surah2 tertentu daripada Al-Kor'an, seperti surah Al-Ikhlas atau surah Yasin dan sa-bagainya. Atau jika ini juga maseh di-rasakan berat, maka banyakkkan-lah zikir atau selawat kepada Nabi s.a.w. Chapai-lah apa yang mudah dan senang bagi li-dah kita menyebut-nya, seperti mengulang-ngulang kalimah tauhid: Lailaha illallah, lailaha illallah.

Berkata Al-Fakahani: bahawa mengekalkan menyebut kalimah Lailaha illallah itu ketika masok ka-tempat kediaman kita, akan menjauhkan dari papa. Sabda Nabi s.a.w. yang erti-nya: Kalimah Lailaha illallah itu menolak 99 pintu bala dari orang yang menguchapkan-nya, sekurang2-nya bala duka nestapa.

Berkata Al-Imam Fakharrarazi bahawa ada 37 tempat kalimah ini disebut di-dalam Al-Kor'an.

Dan sabda Nabi s.a.w. lagi yang bererti: Barangsiapa berkata Lailaha illallah Muhammada Rasulullah sa-banyak 100 kali, neschaya datang ia pada hari kiamat dengan mukanya berseri-seri seperti bulan purnama.

DI-KALA manusia sedang mengejar kehidupan moden dewasa ini, berbagai chorak kechurangan, kejahatan dan penyelewengan telah terjadi. Puncha berlaku-nya perkara2 tersebut bukan-lah di-sebabkan kekurangan keperluan sa-hari2 atau kurang-nya peminan kapada manusia itu ka-araf kehidupan yang sempurna, akan tetapi terjadi-nya semua perkara tersebut ada-lah di-sebabkan oleh pembawaan yang di-bentuk ka-dalam jiwa sa-seorang yang menjadi benih sejak dari masa pertumbuhan-nya.

Boleh-lah di-katakan perbuatan2 yang tidak baik itu pada hakikat-nya bukan-lah sa-mata2 datang-nya dari kesulitan hidup, bahkan sa-balek-nya di-sebabkan oleh krisis atau masaalah akhirat dan iktikad sa-seorang, yang banyak mempengaruhi ka-dalam jiwa manusia itu sendiri. Jelas-nya penyelewengan dan kejahatan itu banyak di-lakukan oleh mereka yang menganggap tidak perlu-nya iman dan keyakinan dalam kehidupan.

Kenapa berlaku demikian? Kerana mereka yang terlibat menganggap iman dan keyakinan itu tidak di-perlukan untuk menchapai kenekmatan di-dunia ini.

Justeru itu-lah kebanyakan di-antara orang2 kita sekarang ini selalu menganggap soal2 ajaran yang berchorak keugamaan itu suatu perkara yang tidak perlu di-amal berat. Sebab itu-lah dapat kita lihat yang kanak2, yang baru menchapai jiwa ke-remajaan-nya langsung sa-

Iman dan keyakinan puncha kebahagiaan hidup

ma sa-kali tidak tahu akan prinsip hidup-nya dalam soal ugama, apa-tah lagi untuk menchapai nilai ke-rohanian dan iman serta keyakinan, hampir terlan-tar sama sa-kali. Perkara ini terjadi di-sebabkan jiwa-nya hanya di-pupok atau di-asoh dengan pelajaran2 atau tunjok-ajar keduniaan sa-mata-mata.

Walau pun pelajaran dan ilmu pengetahuan keduniaan amat perlu di-tuntut untuk sa-tiap orang, tetapi perlu-lah di-yakini bahawa ilmu pengetahuan yang tidak disertai dengan iman dan keyakinan, ilmu pengetahuan itu kelak akan menjadi kosong dan kerdil, yang akhir-nya akan

membawakan balasan atau ganjaran yang tidak sa-imbang kapada sa-seorang itu sendiri.

Sapertimana yang di-katakan tadi, manusia dalam mengejar kehidupan di-dunia moden ini hanya mementingkan pengetahuan keduniaan sa-mata2 ia-itu dengan bertumpukan soal kemewahan dan kenekmatan tanpa menyandarkan-nya kapada kekuatan iman dan keyakinan kapada Allah s.w.t. Maka bukan-lah suatu kekeliruan bila di-katakan bahawa harus di-persiapkan, harus di-pupokkan, bahkan sa-harus-nya di-patri hati-nya akan keperchayaan kapada Allah s.w.t. jika di-inginkan kehidupan-nya bahagia yang sa-benar-nya. Dengan demikian sa-seorang manusia itu akan dapat kesimbangan dalam menchapai segala dugaan dan chabaran di-dalam masharakat. Lantaran itu-lah akan menjadi manusia yang tahu kapada diri-nya, kerana iman dan keyakinan yang luhur akan kewujudan Allah telah tegoh di-dalam dada sa-bagai benting yang kuat.

Oleh yang demikian, untuk kehidupan kita yang lebeh sempurna, wajib-lah kita menyain-bangkan keperluan keduniaan kita dengan keperluan akhirat, mudah-mudahan dengan itu kita akan menchapai keredhaan Allah.

Memelok Ugama Islam

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-orang pemuda Iban, Jawan anak Umol, berumur 26 tahun, berasal dari Sibul, Sarawak baru2 ini telah memelok Ugama Islam di-satu majlis yang berlangsung di-Jabatan Hal Ehwal Ugama di-sini.

Ketika melafadzkan ikrar Islam-nya di-hadapan Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Indera Laila (Begawan Mudim) Dato Seri Utama Awang Haji Ismail bin Mat Serudin sa-orang pegawai di-jabatan tersebut, Jawan memilih nama Islam-nya sa-bagai Awang Wan Shah-uddin bin Abdullah.



BAHAGIAN Hal Ehwal Ugama Islam, Persatuan Penuntut2 Brunei di-United Kingdom telah mengadakan sambutan2 Hari Raya Korban dan Awal Tahun Hijrah 1401. Antara achara-nya termasuklah deklamasi sajak dan persembahan nashid seperti kelihatan di-gambar atas dan bawah.



Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 17hb Disember, 1980 hingga kahari Selasa 23hb Disember, 1980 ada-lah seperti di-bawah ini: —

Hari	Bulan	Dzuhur	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
17hb	Dis	12.23	3.42	6.18	7.33	4.49	5.04	6.22
18hb	Dis	12.23	3.42	6.18	7.33	4.49	5.04	6.22
19hb	Dis	12.23	3.42	6.18	7.33	4.49	5.04	6.22
20hb	Dis	12.23	3.42	6.18	7.33	4.49	5.04	6.22
21hb	Dis	12.26	3.45	6.21	7.36	4.52	5.07	6.25
22hb	Dis	12.26	3.45	6.21	7.36	4.52	5.07	6.25
23hb	Dis	12.26	3.45	6.21	7.36	4.52	5.07	6.25

Waktu2 sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12.45 tengah hari.

Makan Riba'

Siri ke-58

RIBA' itu suatu yang burok dan di-haramkan dalam ugama Islam dengan tiada shak lagi sama ada riba' dari bank atau lain-nya, sama ada riba' itu sedikit atau banyak.

Allah s.w.t. telah menyeru supaya orang2 yang takwa menghindarkan diri dari riba'. Firman-Nya dalam Surah Al-Baqarah ayat 278 dan 279:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَذَرُوا مَا بَقِيَ مِنَ الرِّبَا إِن كُنتُمْ مُؤْمِنِينَ . فَإِنْ فَعَلُوا فَمَا ذُنُوبُهُمْ مِّنَ اللَّهِ وَرَسُولِهِ . وَإِنْ تُبْتِغُوا فَلََكُمْ رَأْسُ أَمْوَالِكُمْ لَا تَظْلِمُونَ وَلَا تُظْلَمُونَ .

Ayat ini memerintahkan di-tinggalkan segala saki baki riba' — sama ada sedikit atau banyak. Dan ditetapkan bahawa tiada-lah halal sa-suatu pun yang lebih dari pokok hutang sekali pun sedikit. Dan dalam ayat ini Allah memberi amaran yang keras ka-atas siapa yang berdegil hendak makan riba', ia-itu Allah dan Rasul-Nya akan memashhorkan peperangan ka-atas-nya. Ini bagi siapa yang berdegil hendak makan riba' dan ia beriktihad riba' itu haram, maka apakah balasan ka-atas orang2 yang menghalalkan riba' dan melawan hukum Allah? Sudah pasti dia akan binasa di-dalam peperangan dengan Allah dan Rasul-Nya serta lebih kechewa dan lebih hina.

Sementara dalam Hadith pula terdapat amaran akan akibat makan riba' itu dan kemurkaan Allah ka-atas orang yang makan riba', seperti yang di-riwayatkan oleh Al-Imam Muslim daripada Sahabat Jabir, kata-nya:

لَعَنَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ آكِلَ الرِّبَا وَمُؤْكِلَهُ . وَكَاتِبَهُ وَشَاهِدِيهِ . قَالَ : هُمْ سَوَاءٌ .

Erti-nya: "Rasulullah s.a.w. telah melaknat dan mengutok orang yang ma-

kan riba', dan orang yang memberi wakil pada riba', dan penulis-nya dan dua saksi-nya." Kata Baginda: "Mereka itu semua-nya sama kena kutok dan laknat." Erti laknat itu tiada dapat rahmat daripada Allah.

Hadith ini, menurut riwayat Al-Imam Hakim ada-lah sahih menurut shariat2 Al-Imam Al-Bukhari dan Muslim. Dan satu lagi Hadith riwayat sahabat Abdullah bin Mas'ud, Baginda bersabda:

الرِّبَا ثَلَاثٌ وَسَبْعُونَ بَابًا ، أَيْسَرُهَا مِثْلُ أَقْنَيْنِ الرَّجُلِ أَمَّه .

Erti-nya: "Riba' itu mempunyai tujuh puluh tiga pintu, sa-kecil2 pintunya ia-lah seperti sa-orang anak berkahwin dengan ibu-nya."

Dan satu lagi di-riwayatkan oleh Al-Imam Ahmad daripada sahabat Abdullah bin Hanzalah, Baginda bersabda:

دَرَاهِمُ رِبَا يَأْكُلُهُ الرَّجُلُ وَهُوَ يَخْلُمُ أَشَدَّ مِنْ سِتْرَةٍ وَثَلَاثِينَ زَنْيَةً .

Erti-nya: "Satu dirham (wang perak) dari riba' yang di-makan oleh sa-seorang itu pada hal dia mengetahui wang tersebut itu riba', ada-lah ia lebih dahshat dari tiga puluh enam kali zina" — (yang menjahanamkan nasab keturunan dan membawa berbagai2 dosa serta kerosakan dalam keluarga, masharakat dan harta benda dan lain2-nya).

TIDAK DAPAT DI-SANGKAL

Hadith2 tadi dan lain2 lagi hadith mengatakan apa yang di-nyatakan oleh Al-Kor'an pada meng-haramkan riba', sama ada banyak atau sedikit, istimewa pada hadith yang terakhir itu menegaskan dengan tiada dapat di-tolak dan di-sangkal lagi perkataan orang yang mengharamkan riba' itu dengan sa-betul2 haram.

Qatadah, sa-orang Tabi'e yang meninggal pada tahun Hijrah 117 mengatakan: "Bahawa orang yang makan riba' di-bangkitkan pada hari kiamat dengan keadaan gila. Gila itu menjadi tanda bagi ahli2 riba' yang dengan-nya orang ramai yang ada di-Padang Mahshar mengetahui siapa ahli2 riba' itu." — (Dari Kitab Ar-Riba wal faedah).

GILA

Telah di-riwayatkan oleh Al-Imam2 Ibnu Majah dan Al-Baihaqi dan Al-Hakim daripada Sahabat Ibnu Umar r.a. Rasulullah s.a.w. bersabda:

مَا ظَهَرَ فِي قَوْمٍ الرِّبَا إِلَّا ظَهَرَ فِيهِمُ الْجُنُونُ ، وَلَا ظَهَرَ فِي قَوْمٍ الرِّبَا إِلَّا ظَهَرَ فِيهِمُ الْمَوْتُ ، وَمَا بَخَسَ قَوْمٌ الْكَيْلَ وَالْوَزْنَ إِلَّا مَنَعَهُمُ اللَّهُ الْقَطْرَ .

Erti-nya: "Tiada nyata pada sa-suatu kaum (atau kawasan atau tempat) orang makan riba' melainkan terbit dan nyata pada mereka penyakit gila. Dan tiada nyata pada sa-suatu kaum itu zina, kendak dan lachor melainkan nyata pada mereka kematian. Dan tiada nyata pada sa-suatu

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS



Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz (YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama) D.K., P.S.S.U.B., D.S.L.J., S.M.B., P.H.B.S., P.I.S. Azhar dan U. Cairo, Mufti

kaum itu menchuri, mengurangkan sukatan dan timbangan melainkan Allah Ta'ala tegah daripada mereka hujan yang menjadi puncha kesuboran." — (Dari Kitab Ar-Riba wal faedah).

Berkata Al-Imam Ibnu Hajar dalam Az-Zawajir "Sa-besar2 perkara yang menegah dari berbuat dosa ia-lah takutkan Allah dan takutkan balasan Allah dan bala'-nya. Dan Allah telah memberi amaran pada balasan-Nya dan pada kemurkaan-Nya dan pada kejahatan bala' dan azab Allah yang menimpa. Firman-Nya:

فَلْيَحْذَرِ الَّذِينَ يُخَالِفُونَ عَنْ أَمْرِهِ أَنْ تُصِيبَهُمْ فِتْنَةٌ أَوْ يُصِيبَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ .

Tafsir-nya: "Hendaklah mereka yang menyalahi dan melawan perintah Allah itu takut dan berjaga2 dari kena sa-suatu bala' dan fitnah daripada Allah atau kena mereka akan sa-suatu azab yang pedeh dan sa-suatu balasan yang dahshat daripada Allah."

WALLAHU A'ALAM

Derma daripada sa-orang hamba Allah



SA-ORANG 'hamba Allah' telah menyumbangkan derma sa-banyak \$2,000 kepada Dayang Kumit bte Hitam dari Bandar Seri Begawan. Sumbangan tersebut (seperti gambar atas) telah di-sampaikan melalui Timbalan Pengerua Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim pada 9hb Disember 1980 di-Jabatan Hal Ehwal Ugama.

lakukan terhadap kampong2 yang terdahulu, Pekerja2 Luar Batuk Kering lebih dahulu membuat pendaftaran dari rumah ka-rumah. Jumlah pendaftaran yang di-perolehi di-Kampong Sinaut ia-lah 427 orang, dari bilangan tersebut hanya 380 orang atau 89.99 peratus sahaja yang hadir untuk menjalani X-Ray.

Bagi memudahkan penduduk2 yang mendaftar itu menjalani X-Ray dan juga bagi menjayakan kempen tersebut berjalan

an. Sa-lain dari ia-nya di-berikan kepada mereka yang mata-pencharian-nya terganggu kerana rawatan penyakit batuk kering, bantuan alaon juga di-berikan kepada janda2 yang tidak berkemampuan. Sa-lain dari itu, alaon ini bukan saja terhad di-berikan kepada rakyat Negeri Brunei, malah ia-nya di-berikan kepada penduduk2 di-negeri ini dengan tidak mengira bangsa, mengikut shariat2 yang ada pada masa ini. Bantuan akan di-teruskan sa-

akan di-alehkan ka-Daerah Brunei-Muara sa-telah pelancharan-nya di-Daerah Tutong selesai.

Kempen X-Ray di-seluruh negeri ada-lah di-bawah pengawasan dua orang pegawai. Bagi daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong, kempen tersebut di-ketuai oleh Yang Amat Mulia Pengiran Lela Perkasa Pengiran Hj. Mohd. Said bin Pengiran Jaya Negara Pg. Hj. Abu Bakar, Penguasa Klinik2 Dada Daerah2 tersebut.

Kempen yang serupa telah di-adakan di-23 buah tempat di-daerah Belait. Di-antara kampong2 yang telah menjalani kempen tersebut ia-lah Kg. Sungai Teraban, Kg. Me-

EMEN X-RAY DI-PESATKAN MENGURANGKAN TB

Oleh :
AISAH PIEE

engan lanchar, sa-buah nobile bergerak telah di-ediakan untuk pengangkutan. Mereka yang tidak mempunyai kenderaan akan di-bawa ka-Rumah Sakit Daerah Tutong dan akan di-hantar balek ka-rumah masing2 sa-telah selesai menjalani X-Ray.

Orang2 yang mengidap penyakit batuk kering yang menjalani rawatan akan di-beri bantuan alaon tibi oleh pihak Jajatan Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan yang di-sokong oleh Jawatankuasa Alaon Bantuan Tibi Negeri Brunei, yang di-Pengerusikan oleh Yang Berhormat Pehin Iwan Luar Pekeraja Dato Setia Awg. Hj. Hussein, Pengarah Kebajikan Belia dan Sokan.

Bantuan Alaon Tibi ini akan di-berikan kepada pesakit2 yang di-fikirkan amat memerlukan bantu-

lagi pesakit tersebut maseh dalam rawatan sahingga mereka itu telah berupaya mencari nafkah dan menjalankan pekerjaan masing2.

Pada masa sekarang, keramaian pesakit2 batuk kering yang menerima bantuan Alaon Tibi di-Daerah Brunei-Muara ia-lah sa-ramai 22 orang, 5 orang di-Daerah Tutong, 2 orang di-Daerah Temburong dan 11 orang di-Daerah Belait.

Langkah2 bagi mengurangkan penyakit batuk kering dari merebak kini maseh di-usahakan. Kempen yang pada ketika ini di-giatkan di-Daerah Tutong, akan bergerak semula ka-kawasan2 perkampungan yang lain di-daerah tersebut. Kempen serupa ini




layu Asli, Kampong Perpindahan, Kampong Mumong dan kawasan2 Mumong.

Sa-banyak 1,371 pendaftaran telah di-buat bagi kawasan2 yang terlibat, dan sa-takat ini hanya 608 orang atau 44% sahaja yang hadir untuk menjalani X-Ray.

Memandangkan jumlah kedatangan yang amat mendukaitakan itu, Doktor Pakar Perubatan Dada mengharapkan bantuan dari penduduk2 daerah Belait supaya dapat memberikan kerjasama, dengan menghadiri pemeriksa di-rumah sakit yang tertentu bagi menjayakan kempen tersebut hingga mencapai matlamat yang di-tuju.

Kempen X-Ray bagi daerah Belait telah bermula sejak bulan September, 1980 hingga sekarang, yang di-ketuai oleh Awang Hj. Adinin bin Pehin Datu Perdana Menteri Dato Haji Ibrahim, Penyalia Klinik Dada Daerah tersebut.

GAMBAR2 yang di-ambil ketika rombongan klinik dada berada di-Daerah Tutong. Gambar atas kiri menunjukkan penyemakan pendaftaran sedang di-jalankan, salah sa-orang pesakit batuk kering menerima penerangan daripada Dr Sinnatamby, (tengah), pendaftaran dari rumah ka-rumah, (bawah sekali). Pengangkutan di-sediakan kepada penduduk2 kampong untuk menjalani X-Ray di-Hospital Bukit Bendera, Tutong, gambar atas kanan menunjukkan proses X-Ray sedang di-jalankan di-ikuti dengan gambar Dr. Sinnatamby dan kelihatan salah sa-orang pesakit TB menerima bantuan alaon.



SEPAK TAKRAW BRUNEI PERLU LATEHAN



BANDAR SERI BEGAWAN. — Samai 16 orang pemain sepak takraw Brunei yang mengikuti perlawanan piala Persatuan Sepak Takraw Thailand berlangsung di-Nakhon Sawan, Thailand telah pulang ka-tanah ayer minggu lalu.

Pemain yang merupakan ahli2 dari Persatuan Sepak Takraw Brunei itu ada-lah buat pertama kali-nya menyertai perlawanan di-sana. Mereka telah di-iringkan oleh tiga orang pegawai yang di-ketuai oleh Awang Tuah Nordin yang juga selaku Setiausaha Kehormat persatuan tersebut.

Sa-banyak empat buah negeri telah mengambil bahagian dalam perlawanan yang di-jalankan sa-lama lima hari itu. Keputusan di-kemunchak perlawanan menunjukkan Pasokan Negeri Malaysia telah berjaya menjadi johan sa-telah mengalahkan Pasokan Thailand dengan kiraan 3-0.

Brunei sungguh tidak mendapat tempat dalam perlawanan itu tetapi ia-nya bukan-lah bermaana pemergian mereka tidak memberi apa2 pengertian kerana menerusi penyertaan mereka Brunei bukan sahaja memperolehi beberapa pengalaman dan persahabatan malah juga telah dapat menarik perhatian pehak2 yang berkenaan di-sana.

"Demi untuk memikirkan perkembangan sokan dalam negeri kita khas-nya di-bidang sepak takraw, kami telah berusaha dan memohonkan bantuan dan kerjasama

untuk sama ada mendatangkan atau menghantar juru-lateh dari Brunei dari Persatuan Sepak Takraw Asia (ASTAF)," jelas Awang Tuah selaku ketua rombongan.

Menurut-nya lagi hanya dengan adanya jurulateh yang berkebolehan sahaja Brunei akan mendapat tempat dalam sepak takraw di-Asia. Sa-jauh ini katanya pemain Brunei bagaimana pun telah pun mencapai taraf permainan antara-bangsa.

Brunei telah pun menyertai perlawanan di-First Asian Sepak Takraw di-Kuala Lumpur dan banyak kali di-perlawanan antara tiga wilayah (wilayah Borneo). Dari Perlawanan2 tersebut telah membuktikan yang pemain2 kita memerlukan banyak latehan.

Bagaimana pun sa-belum segala yang di-harapkan oleh Persatuan Sepak Takraw dapat di-penuhi oleh pehak2 yang berkenaan, Setiausaha Kehormat persatuan berharap agar para pemain yang sedang giat berlatih supaya akan terus meneruskan usaha mereka.

"Di-hadapan kita masih banyak lagi perlawanan yang mungkin kita sertai. Sa-barang undangan perlawanan ada-lah merupakan satu chabaran dan peluang untuk kita menguji sa-jauh mana kebolehan kita. Dari itu bersedia-lah kita untuk melengkapkan diri buat menghadapi chabaran2 tersebut demi untuk memperkenalkan negeri kita di-mana jua," jelas-nya.



GAMBAR menunjukkan para pelawat ketika menikmati sajian bersama Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya di-tempat kediaman Yang Berhormat.

MBB terima tetamu dari Malaysia

MAJLIS Belia-Belia Negeri Brunei minggu lalu telah menerima lagi sa-rombongan tetamu dari Malaysia yang mengandungi 15 orang ahli dari Persatuan Kelab Belia Malaysia yang di-ketuai oleh Setiausaha-nya, Awang Mokhtar bin Ahmad.

Semasa berada empat hari di-sini mereka telah di-bawa melawat ka-tempat2 yang menarik seperti Masjid Sultan Omar Ali Saifuddin, Bangunan Tugu Peringatan Churchill, Muzium Brunei dan

Kampung Ayer. Mereka juga berkesempatan di-bawa meninjau ka-Daerah Tutong dan Daerah Temburong.

Di-samping itu para pelawat juga telah sempat menemui Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awg Haji Abdul Aziz dan Pengarah Kebajikan Belia dan Sokan, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussein di-rumah2 Yang Berhormat.



PEGAWAI2 pemain Brunei (kanan sekali) Awang Tuah Nordin, (kedua dari kiri) Pengiran Metassan bin Pengiran Bakar. Bersama mereka (di-tengah) ia-lah Yang Berhormat Khir Johari selaku Yang Dipertua Persatuan Sepak Takraw Asia.

Brunei sertai bolasepak tiga wilayah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Brunei sa-kali lagi telah menghantar Pasokan Pemain Bolasepak Kebangsaan-nya dalam perlawanan tahunan piala Borneo yang pada tahun ini di-adakan di-Kuching.

Pasokan yang mengandungi 21 orang pemain dan di-ketuai oleh Timbalan Yang Dipertua Persatuan Bolasepak Amatir Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Diraja Dalam Istana Pengiran Haji Mokhtar Puteh itu telah bertolak ka-sana minggu lalu.

Sa-jurus sa-belum pasokan itu bertolak, satu upacara penyampaian bendera Negeri Brunei kepada ketua rombongan telah di-lakukan oleh Pengarah Ke-

bajikan Belia dan Sokan, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussein bertempat di-Pusat Belia di-sini.

Juga di-adakan ia-lah upacara penyampaian baju kepada para pemain oleh penderma-nya, Yang Berhormat Awang Haji Abdul Latif bin Abdul Hamid.

Perlawanan piala Borneo ada-lah bagi merebut piala yang di-korbankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei.

Tahun lalu perlawanan tersebut telah di-langsungkan di-negeri Sabah yang mana negeri itu telah memenangi perlawanan tersebut sejak ia-nya di-anjarkan kembali dalam tahun 1977 sa-telah terhenti buat beberapa tahun.



PASOKAN Badminton Negeri Brunei telah buat pertama kali-nya menyertai perlawanan Badminton Asia yang telah berlangsung selama empat hari di-Bangkok minggu lalu.

Sa-banyak 14 buah negara Asia kechuali Malaysia, Indonesia dan Jepun telah mengambil bahagian di-perlawanan yang di-anjarkan oleh International Badminton Federation yang berpusat di-Bangkok itu.

Di-perlawanan itu pasokan Brunei mengambil bahagian dalam tiga perlawanan ia-itu satu bahagian perseorangan dan dua dalam bahagian bergu.

Pemain2 Brunei ada-lah terdiri dari Awg Wahab Moksin, Asri Ghafar, Chong Kee Cheong dan Arnold Lim.

Sa-jurus sa-belum mereka berlepas minggu lalu satu upacara penyampaian bendera Negeri Brunei oleh Pengarah Kebajikan, Belia dan Sokan, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussein kepada ketua rombongan telah juga di-langsungkan.

Gambar menunjukkan para pemain dan pegawai sa-jurus sa-belum bertolak bersama Pengarah Kebajikan, Belia dan Sokan.

Susunan ranchangan MINGGUAN RADIO

RABU

PAGI: 6.00—Allah Selamatkan Sultan dan Negara; 6.05—Sinaran Wahyu; 6.30—Dendang Suria; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita, Dendang Suria; 8.00—Hiboran pilihan; 8.30—Permintaan Pagi Rabu; 9.30—Lagu dan Senikata; 10.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15—Surat dari London; 10.30—Autograph Pendengar; 11.00—Teman Mekar; 11.30—Bingkisan Tanah Ayer (SU). T/HARI: 12.00—Senandung Ria—Azan Dzohor; 12.45—Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00—Penyanyi Harapan; 1.30—Menjelang Rehat. PETANG: 2.00—Siaran Melayu di-tamatkan. 5.00—Untuk Belia; 5.30—Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45—Siri mukadam—Bingkisan hari ini; 6.10—Menunaikan sembahyang fardhu maghrib. Lagu2 dakwah. MALAM: 7.00—Serbanika hiboran—Azan isha; 7.30—Hiboran pilihan; 8.00—Tanda Waktu dan Warta Berita—berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30—Permintaan Sukaramai; 9.30—Apa pilihan awda; 10.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.05—Suntingan Hidayah, Bachaan Al-Koran; 10.20—Doa Restu; 10.30—Siaran Melayu di-tamatkan.

KHAMIS

PAGI: 6.00—Allah Selamatkan Sultan dan Negara; 6.05—Sinaran Wahyu; 6.30—Dendang Suria; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita, Dendang Suria; 8.00—Rampai London; 8.15—Hiboran; 8.30—Apa pilihan awda (SU); 9.00—Dendang Antarabangsa; 9.30—Rampai Sari Hiboran (SU); 10.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15—Selingan 10.30—Permintaan Sukaramai; 11.30—Salam mesra (SU). T/HARI: 12.00—Lagu2 Melayu Asli, Azan Dzohor; 12.45—Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00—Chitrawar; 1.30—Mari Menyanyi. PETANG: 2.00—Siaran Melayu di-tamatkan. 5.00—Majallah Ugama; 5.30—Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45—Siri mukadam—Bingkisan hari ini; 6.09—Menunaikan sembahyang fardhu maghrib—Lagu2 dakwah. MALAM: 7.00—Tafsir Al-Koran—Azan isha; 7.30—Bimbingan dari Al-Koran; 8.00—Tanda Waktu dan Warta Berita—berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30—Sandiwara Radio (SU); 9.00—Hidayat; 9.30—Tetamu Minggu ini (SU); 10.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.05—Suntingan Hidayah, Bachaan Al-Koran, 10.20—Doa Restu, 10.30—Siaran Melayu di-tamatkan.

JUMAAT

PAGI: 6.00—Allah Selamatkan Sultan dan Negara; 6.05—Sinaran Wahyu; 6.30—Dendang Suria; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita, Dendang Suria; 8.00—Pertanian dan Perikanan; 8.30—Mari Menyanyi (SU); 9.00—Pelajaran Dewasa Di-Udara; 9.30—Tafsir Al-Koran (SU); 10.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15—Soalan di-udara; 10.30—Dari Kampong ka-Kampong; 11.00—Bimbingan Al-Koran (SU); 11.30—Keluarga Jaya. T/HARI: 12.00—Lagu2 dakwah; 12.15—Bachan Al-Koran; 12.30—Menunaikan Sembahyang Fardhu Jumaat; 1.15—Qasidah; 1.30—Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.45—Permainan Gambus (SU). PETANG: 2.15—Varia Peristiwa; 2.30—Ruang Kitani; 3.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.15—Apa Pendapat Awda;

APA PILEHAN AWDA

SALAH sa-orang ranchangan hiboran terbitan Bahagian Melayu Radio Brunei yang menjadi kesukaan ramai ialah ranchangan Apa Pilehan Awda. Sa-tiap minggu ruangan ini akan di-isikan oleh peminat2-nya sa-chara bergilir.

Pada minggu ini ranchangan tersebut akan di-penohi oleh Awang Abdul Hamid bin Abdul Rahman yang beralamat di No. 42, Kampong Tanjong Maya, Tutong.

Peminat2 ranchangan ini akan dapat mengikuti lagu2 pilihan Awg Abd Hamid malam ini jam 9.30 malam manakala ulangan-nya akan ka-udara esok, jam 8.30 pagi.

